

23 SEP 2002

ASEM-PEMBUKAAN/ I

ASIA-EROPAH PERLUKAN RANGKA KERJA LEBIH BAIK PERTINGKAT JALINAN PERDAGANGAN

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

COPENHAGEN, 23 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Denmark, Anders Fogh Rasmussen, telah merasmikan pembukaan Mesyuarat Asia-Eropah Keempat (ASEM 4) di sini, hari ini dengan menyeru pemimpin-pemimpin Asia dan Eropah merumuskan rangka kerja yang lebih baik bagi memperbaiki kemudahan untuk menembusi pasaran dan syarat-syarat pelaburan.

Perdana Menteri itu juga menggesa rakan sejawatannya yang berhimpun di Bella Center, supaya gigih melaksanakan usaha-usaha merapatkan hubungan yang menjadi semakin penting selepas peristiwa 11 September.

Katanya, satu rangka kerja yang lebih baik untuk mempertingkatkan laluan pasaran adalah penting bagi mencapai perkongsian ekonomi yang lebih erat antara Asia dan Eropah yang, dalam proses itu, boleh mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi dan menyumbang kepada kemajuan keseluruhan dalam bidang sosial bagi penduduk yang secara tergabung berjumlah dua bilion.

Berucap kepada 21 orang ketua negara di Bella Center, termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau berkata bahawa kemajuan dalam aspek sosial akan membantu mencapai penyatuan sosial, "sekaligus membantu membanteras punca-punca ekstremisme dan sikap tidak bertolak ansur."

Turut hadir pada upacara tersebut ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

ASEM, satu proses dialog dan kerjasama tidak rasmi, merangkumi 10 negara Asia dan 15 negara anggota Kesatuan Eropah (EU) dan Suruhanjaya Eropah.

Ia dibentuk dengan sidang kemuncak sulungnya di Bangkok pada tahun 1996, diikuti oleh perhimpunan kedua di London pada tahun 1998 dan yang ketiga di Seoul pada tahun 2000. Vietnam telah menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah kepada sidang kemuncak akan datang yang bakal diadakan pada tahun 2004.

Walaupun ASEM, yang baru berusia setahun jagung, telah memperlihatkan keupayaannya, seperti yang terbukti melalui rancangan pertukaran seramai 5,000 pelajar antara kedua-dua benua itu dalam Program Fellowship dan Tabung Amanah ASEM bagi membiayai bantuan dan nasihat teknikal mengenai penyusunan semula sektor kewangan dan mengenai cara-cara mencari penyelesaian kepada masalah kemiskinan, Rasmussen berkata:

"Kita tidak seharusnya membiarkan rekod pencapaian kita yang mengagumkan itu melembapkan langkah kita (dan) masih banyak usaha yang perlu kita lakukan."

Juga, "kita mesti menolak sebarang percubaan oleh kuasa-kuasa ekstremis yang mahu memecah belahkan masyarakat antarabangsa atas dasar ras, latar belakang etnik atau pengaruh agama," tegasnya.

Selepas upacara pembukaan itu, ketua-ketua negara yang hadir mengadakan dialog politik tertutup pertama mereka yang memberi tumpuan kepada situasi antarabangsa akibat serangan 11 September dan isu-isu baru mengenai keselamatan.

Dr Mahathir dijangka menimbulkan soal pentingnya mengenal pasti punca akar umbi dalam perbincangan mengenai usaha memerangi masalah ini.

Selain itu, beliau dijadual mengadakan pertemuan dua hala dengan Presiden Perancis Jacques Chirac petang ini, Perdana Menteri Itali Silvio Berlusconi dan Presiden and Suruhanjaya Eropah Romano Prodi.

Esok, beliau akan menjadi pengerusi bersama sesi mengenai isu budaya dan pendidikan: pembangunan sumber manusia dan pertukaran pendidikan -

memupuk persefahaman bersama, mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan guna tenaga.

Sidang kemuncak ini berakhir esok. -- BERNAMA

MR MAD FR KY ZK